

08/11/1997

Merealisasi platform kehidupan sempurna

Manja Ismail; Faizal Fadzil

WALAUPUN Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Pengerusi G-15 kali ini menolak andaian krisis mata wang menguasai perbincangan sehingga menenggelami isu lain yang tidak kurang pentingnya kepada negara membangun, hakikat bahawa krisis yang serupa mungkin menyerang negara anggota lain, menyebabkan isu itu diberi perhatian utama oleh semua ketua kerajaan dalam sidang kemuncak kali ini.

Jika soalan seorang wartawan asing kenapa isu krisis mata wang mendominasi sidang kemuncak kali ini sedangkan ia hanya melanda Asia Tenggara, boleh dianggap mewakili pandangan beberapa negara anggota yang mungkin kurang senang, ia hanyalah keresahan awal mereka, yang barangkali disebabkan kedudukan geografi atau psikologi negara dunia ketiga yang masih tebal.

Dr Mahathir sendiri menjelaskan bahawa fokus sidang kemuncak kali ini terhadap krisis mata wang bukan semata-mata kerana rantau ini menjadi mangsa tetapi ia juga berlaku di Amerika Latin. Justeru, ketua kerajaan berpendapat isu itu perlu dikaji dan kemudian memutuskan supaya Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan Bank Dunia mengkaji cadangan memperkenalkan peraturan bagi mengawal perdagangan mata wang.

"Soal itu (isu mata wang menguasai persidangan) tidak timbul kerana banyak isu lain yang dibincangkan. Semua ketua kerajaan bersetuju bahawa isu makro ekonomi penting kepada semua negara membangun," katanya.

Pemimpin negara anggota lain tidak membiarkan Dr Mahathir bersendirian dalam menangkis dakwaan wartawan asing itu. Beberapa ketua kerajaan tidak ragu-ragu menganggap isu krisis mata wang yang jelas mendominasi sidang kemuncak pertubuhan itu amat relevan dibincangkan walaupun ketika ini hanya dua negara anggota G-15 dilanda masalah itu.

"Seperti virus, ia boleh merentas sempadan. Ini kerana semua mata wang terikat dengan mata wang dollar Amerika Syarikat yang berkuasa, apabila ia bersin semuanya terkena demam," kata Menteri Perancang Negara Nigeria, Chief Ayo Ogunlade, yang menyamakan krisis mata wang seperti virus yang boleh berjangkit merebak bila-bila masa.

Menteri Perdagangan Luar Brazil, Luiz Felipe Lampreia, pula menyifatkan perkembangan globalisasi mendorong setiap negara memberi penekanan kepada usaha mengekalkan kestabilan sistem kewangan dan ekonomi masing-masing.

"Adalah wajar bagi mereka berusaha untuk menjaga keselamatan pasaran ekonomi masing-masing," katanya.

Memang sukar untuk mencapai satu pendirian bersama membabitkan semua isu dan komitmen yang sama jitu dalam kumpulan dianggotai oleh banyak negara dengan pelbagai latar belakang seperti G-15. Hakikatnya tidak semua ketua kerajaan yang hadir pada sidang kemuncak dan beberapa negara yang tidak membayar yuran tahunan membuktikan komitmen yang berbeza. Malah, cadangan pada awal sidang kemuncak kali ini supaya kekerapan mesyuarat setahun sekali dikaji semula membayangkan keresahan itu.

Bagaimanapun kerana isu mata wang, salah satu masalah makro ekonomi yang amat penting kepada semua negara membangun akibat globalisasi, liberalisasi dan deregulasi, soal kekerapan sidang yang sentiasa dibangkitkan sejak peristiwa tidak cukup korum di New Delhi pada 1993, mencatat sejarah baru. Keputusan sidang kemuncak di Kuala Lumpur untuk mengadakan mesyuarat kelapan di Kaherah, Mei depan bagi mengkaji keadaan ekonomi makro dunia dan kesannya kepada pertubuhan itu, mengubah anggapan sebelum ini bahawa G-15 sebagai pertubuhan yang hidup segan mati tidak

mahu.

Selain menunjukkan tekad ketua-ketua kerajaan untuk bertemu lebih kerap bagi membincangkan pelbagai isu negara dunia ketiga, kesediaan Kaherah menjadi tuan rumah, menggantikan Jamaica yang belum bersedia, membuktikan kesungguhan Mesir untuk memainkan peranan yang lebih aktif dalam pertubuhan itu.

Mengikut giliran, Jamaica sepatutnya menjadi tuan rumah sidang kemuncak akan datang pada waktu kira-kira setahun daripada tarikh mesyuarat sebelumnya. Dengan keputusan mengadakan sidang kelapan pada Mei depan dan kesembilan pada Februari 1999, ketua kerajaan G-15 bertemu dua kali dalam tempoh setahun.

Walaupun Mesir melaksanakan beberapa projek G-15 yang diamanahkan kepadanya sebelum ini, kehadirannya dalam pertubuhan itu sebelum ini agak kurang menonjol berbanding beberapa negara Afrika lain dan Amerika Latin. Kehadiran Presiden Hosni Mubarak di sidang kemuncak dua kali berturut-turut (Harare dan Kuala Lumpur), walaupun memerlukan kawalan keselamatan yang ketat, membuktikan keyakinannya terhadap masa depan G-15. Ia juga bermakna Kaherah akan menjadi tuan rumah G-15 dua kali dalam tempoh tiga tahun kerana ia dijadualkan menjadi hos pada tahun 2000.

Malah pada sesi pembukaan Isnin lalu, Mubarak mencadangkan supaya pegawai kementerian kewangan negara anggota mengadakan mesyuarat khusus mencari jalan menghadapi krisis mata wang, yang kemudiannya diterima dan diperkemas oleh sidang kemuncak kali ini.

Sebenarnya, pelbagai isu yang diperjuangkan oleh G-15 banyak membabitkan Barat atau Utara. Banyak desakan dalam perisytihatan bersama memerlukan tindak balas negara-negara Utara bagi memastikan harapan itu dipenuhi. Antara permintaan G-15 yang memerlukan sokongan negara Utara khusus Kumpulan Negara Maju (G-7) ialah :

- \* Meminta IMF dan Bank Dunia menggubal peraturan untuk mengawal perdagangan mata wang dalam menjadikannya lebih telus dan terbuka;

- \* Meminta masyarakat antarabangsa khususnya negara maju memberi bantuan khas kepada negara membangun terutama negara mundur yang mengalami kesukaran menghadapi proses globalisasi dan menghadapi risiko dipencilkan;

- \* Meminta negara maju memenuhi komitmen mereka untuk memperuntukkan 0.7 peratus GNP kepada skim Bantuan Pembangunan Rasmi (ODA) yang dianggap penting ketika ini; dan

- \* Meminta IMF dan Bank Dunia menyegerakan langkah membantu Negara Miskin Berhutang Paling Tinggi (HIPC) seperti yang diputuskan dalam mesyuarat mereka tahun lalu.

Bagaimanapun, masalah yang wujud ketika ini ialah kesukaran untuk mengadakan hubungan komunikasi yang lebih mantap antara negara Selatan dan Utara. "Masalah yang wujud ialah pengurusan perhubungan kurang baik di antara Selatan dengan Utara," kata Menteri Luar Senegal, Moustapha Niasse.

Justeru, langkah paling baik ialah negara membangun yang diwakili G-15 dan negara maju yang diwakili G-7 duduk semeja, berbincang dari hati ke hati, untuk menyelesaikan segala masalah.

Bagi mengenakan peraturan mengawal perdagangan mata wang, menyelesaikan masalah ketidakadilan globalisasi yang dikawal negara Utara, membantu mengurangkan beban negara miskin mahupun halangan dagangan disebabkan perlindungan terlalu ketat sesebuah kerajaan, semuanya harus diselesaikan di meja rundingan.

Kritikan terbuka menerusi media antarabangsa tidak mampu merumuskan sebarang saranan bernas yang mampu mewujudkan hubungan sejagat yang lebih baik, malah hanya menyaksikan negara memulakan sebarang perundingan dengan niat yang buruk di samping `senjata di tangan masing-masing'.

Mengulas perkembangan dialog Selatan-Utara, Dr Mahathir berkata: "Kami memang berbincang .. .macam tango yang memerlukan dua orang untuk menari.

Kami perlu mendapat maklum balas daripada mereka. Perdana Menteri Jepun, Ryutaro Hashimoto, pernah menyampaikan harapan G-15 kepada G7.

"Jacques Chirac (Presiden Perancis) pernah menulis kepada saya, atas kedudukannya sebagai pengerusi sidang kemuncak G7 bahawa perlu ada kerjasama rapat. Memang ada kemajuan, mungkin akhirnya kita boleh menari bersama," kata Dr Mahathir.

Menerusi pelbagai langkah yang dilaksanakan, G-15 sekali lagi membayangkan niat untuk membantu membentuk dunia ini sebagai platform kehidupan yang lebih menarik, selesa, adil dan aman untuk dihuni. Bagaimanapun, sebagai kumpulan yang dianggotai negara membangun, sokongan dunia khususnya negara maju amat diperlukan bagi merealisasikan keikhlasan.

Tidak ada alasan bagi G-7 untuk menolak harapan negara G-15 untuk menggerakkan daya usaha yang dijangka mampu mengagih faedah kepada semua negara baik mundur, membangun sekalipun negara maju.

(END)